

## SME Corporation Malaysia komited dalam memastikan keunggulan jenama Malaysia melalui NMMB

SIKESIA DIKEMASKINI 2 JAM YANG LALU - DITERBITKAN PADA 25 AUG 2022 9:08AM



National Mark of Malaysia Brand, Bringing Malaysian Brand to the Next Level

OLEH  
Sofian Bakarudin



KONGSI ARTIKEL INI

Langgani saluran Telegram kami untuk berita terkini dan paparan gaya hidup pelengkap hari anda.

**K**UALA LUMPUR - Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh SME Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia) bagi memastikan sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di negara ini kekal berdaya saing, melalui pembuatan produk atau pemberian perkhidmatan yang berkualiti tinggi.

Langkah berkenaan dilakukan dengan mengambil kira keadaan tidak menentu pada ketika ini, terutama dengan sentimen dalam kalangan komuniti perniagaan yang masih berada di tahap berjaga-jaga akibat inflasi, gangguan rantalan bekalan dan konflik Rusia-Ukraine.

Antara usaha yang giat dilakukan oleh SME Corp. Malaysia adalah melalui program National Mark of Malaysian Brand (NMMB) sejak tahun 2009.

Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia, Rizal Nainy berkata, skim pensijilan NMMB dengan kerjasama SIRIM QAS International Sdn. Bhd. itu melambangkan kualiti, kecemerlangan dan keunggulan produk serta perkhidmatan syarikat Malaysia bukan sahaja untuk pasaran tempatan, tetapi di pentas antarabangsa.



Rizal Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia

Menurut beliau, program pensijilan berkenaan membantu mengubah tanggapan bahawa produk PKS berkualiti rendah dan kurang ketuhan dengan piawaian pembungkusan yang rendah berbanding jenama besar.

"Penjenamaan bukan sahaja merupakan komponen penting dalam sesebuah syarikat, produk atau perkhidmatan, tetapi juga merupakan satu simbol yang boleh dilihat oleh pengguna, pelanggan serta rakan kongsi perniagaan, dan seterusnya melahirkan identiti unik tersendiri.

"Pensijilan NMMB ini juga adalah bertujuan untuk melengkapkan usaha sedemikian bagi membolehkan produk dan perkhidmatan dari Malaysia menembusi pentas perniagaan antarabangsa," katanya.

Rizal memberitahu, semua syarikat PKS yang memohon pensijilan tersebut akan dinilai melalui piawaian ketat dengan pelaksanaan langkah pengauditan dan pemantauan untuk memastikan pematuhan kepada piawaian kualiti yang ditetapkan.

### Langgani Berita Terkini

Dapatkan berita generasi baharu. Amalilah tabung kisah kejayaan terkini dengan segera.

Alamat E-mail Anda

Daftar

OLEH

Sufian Baharum



Langgani saluran **Telegram** kami untuk berita terkini dan paparan gaya hidup pelengkap hari anda.

KONOSI ARTIKEL INI



Antara anggota Persatuan PKS Malaysia yang telah beraja melancarkan perniagaan National Mark of Malaysia Sdn Bhd.

Sekiranya berjaya, beliau berkata, produk atau perkhidmatan terlibat akan diberi hak untuk mempamerkan lambang NMMB bagi tempoh dua tahun.

"Bukan itu sahaja, syarikat PKS yang mendapat sijil NMMB juga berpeluang menikmati pelbagai fasilitasi dari SME Corp. Malaysia selain insentif kewangan dan inisiatif peluang pasaran yang lebih luas.

"Selain itu, mereka diberi keutamaan akses kepada aktiviti promosi perdagangan tempatan dan antarabangsa. Malah keutamaan tawaran mengikut latihan pembangunan juga diberikan.

"Dalam masa yang sama SME Corp. Malaysia turut menganjurkan bengkel serta mewujudkan hubungan rakan strategik antara dalam dan luar negara melalui promosi dan liputan media," katanya.

Rizal turut menzahirkan harapan untuk melihat lebih banyak PKS memanfaatkan sepenuhnya program NMMB sebagai pelengkap dalam memperkukuhkan lagi jenama mereka, dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Untuk maklumat lanjut mengenai program NMMB, orang ramai boleh melayari <http://www.nationalmark.gov.my/> atau hubungi 1300 30 6000. – Getaran

### Langgani Berita Terkini

Dapatkan berita terkini baharu. Anda tahu kisah kejadian terkini dengan segera.

Alami Email Akaun

Daftar